

Jemaah solat Jumaat di Masjid Wilayah Persekutuan dinaikkan 500 orang



MOHD. AJIB

PUTRAJAYA – Jumlah jemaah bagi solat Jumaat di Masjid Wilayah Persekutuan termasuk Masjid Negara, Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin ditingkatkan kepada 500 orang berkuat kuasa hari ini berbanding 300 jemaah sebelum ini.

Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi), Datuk Mohd. Ajib Ismail berkata, ketetapan itu sudah mendapat

perkenan Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

“Keputusan itu dibuat selaras peralihan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang kini diletakkan di bawah Fasa 2 Pelan Pemulihian Negara (PPN).

“Bagi solat Jumaat di Kuala Lumpur dan Putrajaya, bilangan jemaah di Masjid Wilayah Persekutuan dibenarkan seramai 500

orang, manakala bilangan jemaah di tujuh buah Masjid Zon dan Masjid Kariah pula dibenarkan seramai 250 orang.

“Selain itu, bilangan jemaah di Surau Jumaat pula dibenarkan seramai 150 orang, manakala bilangan jemaah di Surau Diberi Kebenaran Khas untuk diri Jumaat pula adalah seramai 100 orang.

“Dalam pada itu, bilangan je-

maah di Surau Jumaat dan Surau Diberi Kebenaran Khas untuk diri Jumaat di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dibenarkan seramai 80 orang,” katanya.

Menurutnya, bagi solat Jumaat di Labuan pula, bilangan jemaah yang dibenarkan di semua masjid dan surau adalah separuh kapasiti sebenar.